



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

SELASA, 31 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>JKM SARAWAK SEDIA HADAPI BANJIR</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1171137/jkm-sarawak-sedia-hadapi-banjir">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1171137/jkm-sarawak-sedia-hadapi-banjir</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://tvstv.my/2023/10/30/jkm-sarawak-kenal-pasti-627-pps-hadapi-banjir-fatimah/">https://tvstv.my/2023/10/30/jkm-sarawak-kenal-pasti-627-pps-hadapi-banjir-fatimah/</a>	TVSTV.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/sarawak-buat-persiapan-awal-hadapi-banjir/">https://suarasarawak.my/sarawak-buat-persiapan-awal-hadapi-banjir/</a>	SUARASARAWAK.MY
	<a href="https://suarasarawak.my/jkm-sarawak-udah-sedia-napi-penusah-bah/">https://suarasarawak.my/jkm-sarawak-udah-sedia-napi-penusah-bah/</a>	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>SELANGOR CONSIDERS CREATING CARE ECONOMY SECTOR FRAMEWORK, SAYS MB</b>	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/30/selangor-considers-creating-care-economy-sector-framework-says-mb/99240">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/10/30/selangor-considers-creating-care-economy-sector-framework-says-mb/99240</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025152/selangor-pertimbang-wujud-kerangka-sektor-ekonomi-penjagaan-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025152/selangor-pertimbang-wujud-kerangka-sektor-ekonomi-penjagaan-kanak-kanak</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/rangka-dasar-ekonomi-penjagaan-menuju-negara-usia-emas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/rangka-dasar-ekonomi-penjagaan-menuju-negara-usia-emas/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632168/edisi/selangor-kl/rangka-ekonomi-penjagaan-sokong-wanita-terus-bekerja">https://www.sinarharian.com.my/article/632168/edisi/selangor-kl/rangka-ekonomi-penjagaan-sokong-wanita-terus-bekerja</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://selangorkini.my/2023/10/rangka-pembangunan-ekonomi-penjagaan-sokong-wanita-terus-berkerjaya/">https://selangorkini.my/2023/10/rangka-pembangunan-ekonomi-penjagaan-sokong-wanita-terus-berkerjaya/</a>	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>DGIM TINGKAT KESIAPSIAGAAN HADAPI BENCANA</b>	
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/dgim-tingkat-kesiapsiagaan-hadapi-bencana">https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/dgim-tingkat-kesiapsiagaan-hadapi-bencana</a>	BERITA.RTM.GOV.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1171016/platfor-m-dgim-tingkat-kesiapsiagaan-hadapi-bencana">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1171016/platfor-m-dgim-tingkat-kesiapsiagaan-hadapi-bencana</a>	BHARIAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	<b>BULAN KESEDARAN KANSER PAYUDARA BUKAN SEKADAR GIMIK</b>	
	<a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1171128/bulan-kesedaran-kanser-payudara-bukan-sekadar-gimik">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/10/1171128/bulan-kesedaran-kanser-payudara-bukan-sekadar-gimik</a>	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	<b>KARNIVAL PERPADUAN JAPERUN DUYONG ERATKAN HUBUNGAN KAUM</b>	
	<a href="https://www.melakahariini.my/karnival-perpaduan-japerun-duyong-eratkan-hubungan-kaum/">https://www.melakahariini.my/karnival-perpaduan-japerun-duyong-eratkan-hubungan-kaum/</a>	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	<b>JKM CARI WARIS HANESAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632167/edisi/utara/jkm-cari-waris-hanesan">https://www.sinarharian.com.my/article/632167/edisi/utara/jkm-cari-waris-hanesan</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	<b>KELUARGA QASEH AULIA MASIH TUNGGU KEPUTUSAN BEDAH SIASAT</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025178/keluarga-qaseh-aulia-masih-tunggu-keputusan-bedah-siasat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025178/keluarga-qaseh-aulia-masih-tunggu-keputusan-bedah-siasat</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	<b>'KERAJAAN TITIK BERAT KEBAJIKAN WARGA EMAS'</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/222634/kerajaan-titik-berat-kebaikan-warga-emas/">https://www.dailyexpress.com.my/news/222634/kerajaan-titik-berat-kebaikan-warga-emas/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>UNRAVELLING CONFUSION OVER DYSLEXIA</b>	
	<a href="https://www.thesundaily.my/local/unravelling-confusion-over-dyslexia-NO11684944">https://www.thesundaily.my/local/unravelling-confusion-over-dyslexia-NO11684944</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>PUSAT PENGAJIAN ISLAM TEMPATKAN ANAK-ANAK YATIM, MISKIN DI ASEAN DIBINA</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/pusat-pengajian-islam-tempatkan-anak-anak-yatim-miskin-di-asean-dibina/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/pusat-pengajian-islam-tempatkan-anak-anak-yatim-miskin-di-asean-dibina/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>WANITA HILANG SEJAK JUMAAT DITEMUI MATI DI JETI KUALA KURAU</b>	
	<a href="https://www.malaysiakini.com/news/684663">https://www.malaysiakini.com/news/684663</a>	MALAYSIAKINI.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-hilang-sejak-jumaat-ditemui-mati-di-jeti-maritim-zon-kuala-kurau-x8p78zx">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/wanita-hilang-sejak-jumaat-ditemui-mati-di-jeti-maritim-zon-kuala-kurau-x8p78zx</a>	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>'HIDUPKU BERUBAH DI BUMI KANGGARU'</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1025050/hidupku-berubah-di-bumi-kanggaru">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1025050/hidupku-berubah-di-bumi-kanggaru</a>	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	<b>UNIMAP REALISASIKAN HASRAT PELAJAR OKU LANJUTKAN PENGAJIAN</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/30/unimap-realisasikan-hasrat-pelajar-oku-lanjutkan-pengajian/">https://malaysiagazette.com/2023/10/30/unimap-realisasikan-hasrat-pelajar-oku-lanjutkan-pengajian/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	<b>KANAK-KANAK MANGSA DERA DISERAH KEPADA IBU KANDUNG</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632187/berita/semasa/kanak-kanak-mangsa-dera-diserah-kepada-ibu-kandung">https://www.sinarharian.com.my/article/632187/berita/semasa/kanak-kanak-mangsa-dera-diserah-kepada-ibu-kandung</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025236/kanak-kanak-mangsa-dera-dibenarkan-dijaga-ibu-kandung-buat-sementara">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025236/kanak-kanak-mangsa-dera-dibenarkan-dijaga-ibu-kandung-buat-sementara</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/mahkamah/ibu-kandung-dapat-kebenaran-jaga-sementara-budak-mangsa-dera/">https://www.buletintv3.my/mahkamah/ibu-kandung-dapat-kebenaran-jaga-sementara-budak-mangsa-dera/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	<b>13 MANGSA RIBUT, TUJUH KAMPUNG BANJIR KILAT DI SUNGAI ACHEH</b>	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/30/13-mangsa-ribut-tujuh-kampung-banjir-kilat-di-sungai-acheh/">https://malaysiagazette.com/2023/10/30/13-mangsa-ribut-tujuh-kampung-banjir-kilat-di-sungai-acheh/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ribut-13-mangsa-termasuk-kanak-kanak-masih-di-pps/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/ribut-13-mangsa-termasuk-kanak-kanak-masih-di-pps/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	<b>DEEPAVALI LEBIH 'BERCAHAYA' BUAT 1,000 KAUM INDIA MELAKA</b>	
	<a href="https://www.melakahariini.my/deepavali-lebih-bercahaya-buat-1000-kaum-india-melaka/">https://www.melakahariini.my/deepavali-lebih-bercahaya-buat-1000-kaum-india-melaka/</a>	MELAKAHARIINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	<b>AISYAH JADI HARAPAN NENEK CHIN DAN HASSAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025286/aisyah-jadi-harapan-nenek-chin-dan-hassan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025286/aisyah-jadi-harapan-nenek-chin-dan-hassan</a>	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	<b>IKTIRAF SEKTOR PENJAGAAN SEBAGAI KHIDMAT PENTING, PEMANGKIN EKONOMI NEGERI</b>	
	<a href="https://selangorkini.my/2023/10/iktiraf-sektor-penjagaan-sebagai-khidmat-penting-pemangkin-ekonomi-negeri/">https://selangorkini.my/2023/10/iktiraf-sektor-penjagaan-sebagai-khidmat-penting-pemangkin-ekonomi-negeri/</a>	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	<b>KLMUC, YSN METERAI MOU TAWAR BIASISWA PENGAJIAN KEPADA ANGGOTA, KELUARGA POLIS</b>	
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/klmuc-ysn-meterai-mou-tawar-biasiswa-pengajian-kepada-anggota-keluarga-polis-JO11687248">https://www.thesundaily.my/cerita/klmuc-ysn-meterai-mou-tawar-biasiswa-pengajian-kepada-anggota-keluarga-polis-JO11687248</a>	THESUNDAILY.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239877">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239877</a>	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
20	<b>HOKI: SKUAD WANITA NEGARA RAIH MATA SULUNG DI ACT</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/skuad-hoki-wanita-negara-raih-mata-sulung-di-act/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/skuad-hoki-wanita-negara-raih-mata-sulung-di-act/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/act-wanita-2023-malaysia-ikat-juara-tiga-kali-korea-selatan-1-1/">https://www.utusan.com.my/sukan/2023/10/act-wanita-2023-malaysia-ikat-juara-tiga-kali-korea-selatan-1-1/</a>	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	<b>PELAJAR TAK MENGAKU LAKUKAN AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP KANAK-KANAK 8 TAHUN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025188/pelajar-tak-mengaku-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-kanak-kanak-8">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025188/pelajar-tak-mengaku-lakukan-amang-seksual-fizikal-terhadap-kanak-kanak-8</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=tcPSW4VTcPo">https://www.youtube.com/watch?v=tcPSW4VTcPo</a>	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
22	<b>DITENDANG, DILIBAS DENGAN PARANG OLEH AYAH KANDUNG DI HARI JADI</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025252/ditendang-dilibas-dengan-parang-oleh-ayah-kandung-di-hari-jadi">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025252/ditendang-dilibas-dengan-parang-oleh-ayah-kandung-di-hari-jadi</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/lelaki-tendang-pukul-tumbuk-anak-tak-sempat-sambut-hari-jadi/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/lelaki-tendang-pukul-tumbuk-anak-tak-sempat-sambut-hari-jadi/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1171142/dilibas-parang-ditendang-bapa-jadi-hadiah-hari-jadi">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1171142/dilibas-parang-ditendang-bapa-jadi-hadiah-hari-jadi</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/632178/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-cedera-ditumbuk-bapa-kandung">https://www.sinarharian.com.my/article/632178/berita/semasa/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-cedera-ditumbuk-bapa-kandung</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2023/10/30/kanak-kanak-12-tahun-dipukul-ditendang-bapa-kandung/">https://malaysiagazette.com/2023/10/30/kanak-kanak-12-tahun-dipukul-ditendang-bapa-kandung/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-cedera-dipukul-bapa-kandung/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kanak-kanak-lelaki-12-tahun-cedera-dipukul-bapa-kandung/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/ditumbuk-dan-ditendang-bapa-kandung-sehari-selepas-hari-lahir/">https://www.buletintv3.my/jenayah/ditumbuk-dan-ditendang-bapa-kandung-sehari-selepas-hari-lahir/</a>	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	<b>GANGGUAN SEKSUAL   KANAK-KANAK AKTIF PENGGUNAAN GAJET TERDEDAH KEPADA ANCAMAN</b>	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2EmeXidXJdl">https://www.youtube.com/watch?v=2EmeXidXJdl</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
24	<b>BAYI TUJUH BULAN MANGSA BANJIR POSITIF COVID-19</b>	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bayi-tujuh-bulan-mangsa-banjir-positif-covid-19/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/bayi-tujuh-bulan-mangsa-banjir-positif-covid-19/</a>	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

f t i kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	<b>KANAK-KANAK CEDERA DITUMBUK BAPA SELEPAS BERMALAM DI RUMAH IBU SAUDARA</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239879">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2239879</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.thesundaily.my/cerita/kanak-kanak-cedera-ditumbuk-bapa-selepas-bermalam-di-rumah-ibu-saudara-FO11687323">https://www.thesundaily.my/cerita/kanak-kanak-cedera-ditumbuk-bapa-selepas-bermalam-di-rumah-ibu-saudara-FO11687323</a>	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	<b>HARI KELUARGA PPD4D ERAT SILATURAHIM IBU BAPA, GURU DAN KANAK-KANAK OKU</b>	
	<a href="https://sinarbestari.sinarharian.com.my/guru-komuniti/hari-keluarga-ppdk4d-erat-silaturahim-ibu-bapa-guru-dan-kanak-kanak-oku">https://sinarbestari.sinarharian.com.my/guru-komuniti/hari-keluarga-ppdk4d-erat-silaturahim-ibu-bapa-guru-dan-kanak-kanak-oku</a>	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	<b>APM BAWA TURUN TIGA WARGA EMAS DARI TINGKAT 18</b>	
	<a href="https://suaramerdeka.com.my/apm-bawa-turun-tiga-warga-emas-dari-tingkat-18/">https://suaramerdeka.com.my/apm-bawa-turun-tiga-warga-emas-dari-tingkat-18/</a>	SUARAMERDEKA.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	<b>TAK SEMPAT SOLAT SUBUH, WARGA EMAS MAUT DILANGGAR KERETA</b>	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/tak-sempat-solat-subuh-warga-emas-maut-dilanggar-kereta/">https://www.kosmo.com.my/2023/10/30/tak-sempat-solat-subuh-warga-emas-maut-dilanggar-kereta/</a>	KOSMO.COM.MY
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-dilanggar-kereta-ketika-melintas-jalan-ke-masjid/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/warga-emas-maut-dilanggar-kereta-ketika-melintas-jalan-ke-masjid/</a>	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




**MALAYSIA  
MADANI**

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

31/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	<b>KELANTAN BINA 1,787 RUMAH UNTUK GOLONGAN MISKIN SEJAK 8 TAHUN LALU</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025200/kelantan-bina-1787-rumah-untuk-golongan-miskin-sejak-8-tahun-lalu">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1025200/kelantan-bina-1787-rumah-untuk-golongan-miskin-sejak-8-tahun-lalu</a>	HMETRO.COM.MY



TAJUK : MANFAAT PLATFORM DGIM HADAPI BENCANA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 15

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Manfaat platform DGIM hadapi bencana

**Kuala Lumpur:** Kerajaan kini menggunakan platform Pengurusan Maklumat Geospasial Pertahanan (DGIM) dalam usaha meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana, terutama Monsoon Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula November ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata platform dibangunkan Bahagian Geospasial Pertahanan, Jabatan Ukur Dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) itu adalah pengintegrasian data khas dalam aplikasi sistem Maklumat Geografi (GIS).

Beliau berkata, GIS yang merentasi pelbagai kementerian dan agensi berupaya mewujudkan *joint common operating pic-*

*ture* (JCOP) yang beroperasi 24 jam di pusat kawalan bencana negara bagi tujuan pengurusan bencana, selain berfungsi sebagai pangkalan data berpusat terbuka.

“Antara agensi yang sudah integrasi dalam platform DGIM ialah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Kerja Raya (JKR), Agensi Angkasa Negara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

“Selain itu, Jabatan Peranca-



Armizan Mohd Ali

ngan Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia serta Pusat Geospasial Negara.”

katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Armizan berkata demikian bagi menjawab soalan asal Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) mengenai inisiatif kerajaan untuk mewujudkan pangkalan data berpusat terbuka menerusi platform DOSM dalam usaha mengumpulkan semua data yang berkaitan bencana bagi meningkatkan kesiapsiagaan.

Menjawab soalan tambahan Zahir mengenai sama ada kera-

jaan bercadang membabitkan syarikat insurans dalam meningkatkan kesiapsiagaan komuniti di kawasan berisiko tinggi bencana menerusi pelaksanaan insurans Rahmah, Armizan berkata, itu antara syor yang sedang diteliti.

Sementara itu, mengenai pembangunan DGIM, Armizan berkata, ia tidak membabitkan sebarang peruntukan tambahan kepada kerajaan kerana dibangunkan secara dalaman oleh JUPEM sebelum diangkat untuk digunakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Datuk Mumtaz Md Naww (PN-Tumpat) yang ingin mengetahui peruntukan disediakan kerajaan bagi pengurusan DGIM. BERNAMA



TAJUK : PEREKA PERLU KREATIF PASARKAN BAKAT

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Pereka perlu kreatif pasarkan bakat

Manfaatkan IT, media sosial teroka dunia fesyen tanpa sempadan

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Peluang menonjolkan hasil rekaan pakaian lebih terbuka luas buat pemain industri fesyen dengan kecanggihan teknologi serta media sosial berbanding pereka terdahulu.

Graduan rekaan fesyen yang ingin meneruskan kerjaya dalam bidang ini perlu merebut peluang itu dengan menggunakan kreativiti dan inisiatif masing-masing.

Pereka fesyen, Hatta Dolmat, berkata kini pelbagai medium boleh memberikan publisiti percuma secara meluas dalam mempromosikan hasil kerja jika bijak mengendalikannya.

"Apa yang saya perhatikan hari ini berbanding dahulu, peluang kami agak susah. Dahulu jika keluar surat khabar memang bertuah, bersyukur, simpan keratan, malah buat salinan takut hilang sebab sangat menghargainya.

"Sekarang mudah kerana segalanya ada sosial media, mereka boleh gunakan publisiti percuma menerusi media sosial dengan adanya TikTok, Instagram, Facebook dan sebagainya.

"Jika boleh guna sebaiknya, mereka boleh naik (dalam industri fesyen). Jadikan media sosial untuk (promosi) perniagaan (rekaan fesyen) kita.

"Saya juga guna media sosial untuk perkara berkaitan kerja," katanya ditemui selepas peragaan fesyen, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Degree Fashion Show di UiTM Shah Alam, baru-baru ini.

## Biar rekaan 'berbicara'

Beliau antara empat juri dijemput UiTM Degree Fashion bagi mengadili 58 koleksi hasil rekaan pelajar semester akhir bagi pengajian itu.

Pereka fesyen baru berjinak-jin-

ak dalam industri juga perlu memperkenalkan diri, bakat atau jenama sendiri melalui rekaan yang dihasilkan.

"Walaupun kurang bercakap, biarkan pakaian yang kita hasilkan bercakap kepada umum menerusi rekaan itu.

"Biar hasil kerja kita bercakap mewakili kita kepada umum. Itu saya selalu buat sebab saya kurang pandai bercakap berbanding pereka fesyen lain," katanya.

Hatta berkongsi pengalamannya mendaki ke puncak sehingga berjaya membina jenama sendiri, malah mampu bertapak kukuh hari ini walaupun bermula dari bawah kerana tidak kenal erti putus asa.

"Selepas tamat ijazah pada 2005, saya mengambil masa lima tahun sehingga 2010 untuk membina jenama sendiri. Dari situ bermula segalanya sehingga apa yang saya ada hari ini, Alhamdulillah.

"Dalam tempoh lima tahun saya sertai banyak pertandingan, termasuk *Project Runway Malaysia* untuk memperbaiki kekurangan bagi penambahbaikan, belajar dan mencabar diri.



Hatta jadi juri UiTM Degree Fashion mengadili 58 rekaan pelajar semester akhir, baru-baru ini.

"Saya sertai dunia hiburan dan karpet merah, termasuk Anugerah dianjurkan *BH* dengan selebriti, Jaclyn Victor dan Fasha Sandha kali pertama memakai rekaan saya ketika itu," katanya.

Mengulas hasil rekaan pelajar semester akhir pula katanya, setiap rekaan jelas menunjukkan ketekunan, ketelitian serta fokus

mereka terhadap tugasan diberikan pensyarah.

"Dari segi rekaan, kemampuan menghasilkan tekstur baju dengan bentuk, rekaan baharu. Kita tahu pelajar ini rajin, kerja keras serta betul-betul fokus sehingga dapat hasilkan koleksi yang cantik, tahniah kepada pemenang dan semua pelajar," katanya.



TAJUK : PROGRAM BANTU BINA JARINGAN PERNIAGAAN KRAF TANGAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Program bantu bina jaringan perniagaan kraf tangan

**Kuala Lumpur:** Pelbagai program bagi memperkasa pemasaran aneka produk kraf tangan tempatan dilaksanakan untuk menyemarakkan industri itu ke tahap lebih tinggi, sekali gus mampu meningkatkan pendapatan kepada penggiatnya.

Misalnya, Program Memperkasa Penggiat Kraf Tempatan di Pavilion Bukit Jalil, dekat sini, diadakan selama empat hari berakhir Ahad lalu, menjadi platform kepada penggiat seni kraf tangan membina jaringan perniagaan sambil memperkenalkan sentuhan kreatif hasil seni masing-masing.

Disertai lebih 300 penggiat seni kraf tangan tanah air, program bertemakan *The Tunku Azizah Handmade Market: A Home For Malaysian Crafters* turut bermatlamat memperkasa penggiatnya yang tampil dari pelbagai cabang, termasuk tekstil, hasil rimba, logam dan aneka kraf lain.

Majlis disempurnakan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah. Turut hadir, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Baginda juga adalah penaung Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM), selaku pe-



Tunku Azizah bersama Tengku Permaisuri Norashikin melihat hasil kraf tangan pada program bertemakan *The Tunku Azizah Handmade Market: A Home For Malaysia Crafters* di Kuala Lumpur. (Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

nganjur acara berkenaan.

Tunku Azizah turut berkenan melakukan gimik pelancaran dan melawat ke reruai usahawan kraf.

Pengerusi PSJKM, Datuk Fuly Chye Goet Lee, berkata tujuan ekspo ini bukan hanya untuk

melebarkan peluang perniagaan, malah mewujudkan semangat kebersamaan, mengangkat warisan budaya dan cinta kepada seni dan kraf Malaysia.

"Pameran itu disertai penggiat kraf tangan daripada ahli kelab *A Home for Malaysia Craf-*

*ter* bagi menonjolkan hasil seni masing-masing.

"Acara ini diharap dapat memperkasa penggiat kraf tempatan serta mempromosi pelbagai produk seni dan kraf tradisional, moden dan kontemporari kepada pembeli dalam dan luar negara."


katanya selepas Majlis Perasmian Program Memperkasa Penggiat Kraf Tempatan, di sini baru-baru ini.

Katanya, sejak 16 tahun lalu PSJKM giat mencungkil bakat tempatan dan membantu kelompok yang memerlukan, termasuk ibu tunggal, keluarga B40 serta komuniti Orang Asli melalui pelbagai kelas kraf tangan supaya dapat menjana pendapatan sendiri.

Terbaharu, mulai Oktober, PSJKM dengan kerjasama syarikat Mostwell dan The Tunku Azizah Handmade Market (TTAHM), iaitu platform keusahawanan yang dibangunkan untuk meluaskan kraf tangan tempatan dan memasarkan produk mereka kepada pelanggan bergabung dengan platform Alibab untuk tujuan meluaskan pasaran produk mereka.

"Justeru, semua penggiat kraf merebut peluang terbentang luas ini. Anda adalah aset berharga bagi negara dan komuniti kita.

"Mereka sudah bekerja keras untuk mencapai tahap kepakaran tinggi dan kami berharap melalui peluang ini dapat mengekspresikan bakat dan membantu menjana pendapatan dengan lebih baik," katanya.



TAJUK : BUDAK MANGSA DERA KE PANGKUAN IBU KANDUNG

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## Budak mangsa dera ke pangkuan ibu kandung

**Johor Bahru:** Impian seorang kanak-kanak lelaki yang juga mangsa dera dan pengabaian untuk tinggal bersama ibu kandung menjadi kenyataan, semalam.

Ibu kandung kanak-kanak berusia tujuh tahun itu yang hanya mahu dikenali sebagai Ana, 34, berkata, dia bersyukur kerana mahkamah membenarkan penempatan sementara bagi anaknya selama dua bulan di kediaman keluarganya.

Menurutnya, dia akan membawa anak bongsu daripada tiga beradik ke kediaman keluarga di Kuala Selangor, Selangor.

"Saya bersyukur kerana dapat membawa pulang anak hari ini (semalam). Dia menyatakan sudah lama memasang impian untuk tinggal bersama saya dan bersekolah seperti kanak-kanak lain.

"Saya akan mendaftarkannya ke sekolah dan kami sekeluarga juga berterima kasih kepada orang ramai yang mendoakan anak saya cepat sembuh," katanya ditemui di Mahkamah Kanak-kanak Johor Bahru di sini, semalam.

Perintah dikeluarkan oleh Majistret Nor Fatin Mohamad Farid di Mahkamah Kanak-kanak Johor Bahru.

Hadir di perkarangan mahkamah, Pelindung Kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Zaid Ikhwan Lim dan ahli keluarga mangsa.

Pada 22 Oktober lalu, seorang bapa dan teman wanitanya mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini,



*Saya bersyukur kerana dapat membawa pulang anak hari ini (semalam). Dia menyatakan sudah lama memasang impian untuk tinggal bersama saya dan bersekolah seperti kanak-kanak lain. Saya akan mendaftarkannya ke sekolah"*

**Ana**


atas pertuduhan mengabaikan anak lelaki sehingga kesihatannya merosot, daripada Julai sehingga Oktober tahun ini.

Sementara itu, dalam pertuduhan berasingan, teman wanitanya mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mendatangkan kecederaan fizikal pada tangan kanan kanak-kanak itu.

Kesemua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Taman Pulau Jaya, Johor Bahru antara Julai hingga 12 Oktober lalu.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 31(1) akta sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Navin diselamatkan pada 13 Oktober lalu hasil laporan polis dilakukan seorang jiran yang mendakwa kanak-kanak itu dikurung di tandas dan dalam keadaan tidak bermaya.



TAJUK : **DITENDANG DILIBAS PARANG OLEH AYAH PADA SAMBUTAN HARI JADI**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **31 OKT 2023**

M/SURAT : **12**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

## ***Ditendang, dilibas parang oleh ayah pada sambutan hari jadi***

**Gerik:** Sambutan ulang tahun hari lahir seorang kanak-kanak lelaki bertukar menjadi igauan buatnya apabila ditumbuk, ditendang selain hampir terkena libasan parang oleh bapa kandungnya pada kejadian di Kampung Perah di sini, jam 5 petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Gerik Superintendan Zulkifli Mahmood berkata, ia mengakibatkan mangsa yang

berumur 12 tahun mengalami kecederaan tisu lembut di bahagian belakang badan dan paha.

Beliau berkata, laporan berhubung kejadian diterima daripada ibu saudara kanak-kanak itu yang berusia 35 tahun jam 5.50 petang, hari sama, di Balai Polis Bersia, di sini.

Zulkifli berkata, siasatan awal mendapati, suspek iaitu bapa kandung mangsa

**“Suspek iaitu bapa kandung mangsa berusia 37 tahun masuk ke rumah wanita itu dan terus menumbuk serta menendang mangsa di bahagian belakang badan selain turut melibas parang yang hampir mengenai kanak-kanak berkenaan”**

berusia 37 tahun masuk ke rumah wanita itu dan terus menumbuk serta menen-

dang mangsa di bahagian belakang badan selain turut melibas parang yang

hampir mengenai kanak-kanak berkenaan.

Katanya, hasil siasatan lanjut mendapati, wanita itu membawa anak saudaranya itu ke rumahnya kira-kira jam 6 petang sehari sebelum kejadian untuk menyambut hari lahir kanak-kanak terbabit.

“Mangsa bermalam di rumah ibu saudaranya itu dan sepatutnya dihantar pulang pada lewat petang

keesokan harinya (hari kejadian). Bagaimanapun, pada hari kejadian, suspek datang ke rumah wanita berkenaan sebelum berlaku insiden terbabit.

“Susulan kejadian, mangsa dibawa ke Hospital Gerik untuk rawatan,” katanya pada kenyataan, semalam.

Suspek ditahan semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001.



TAJUK : **GESA OKU USAH MALU**

HARI : **SELASA**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **31 OKT 2023**

M/SURAT : **23**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

### Sepang

“**S**aya bersyukur apabila ada pelanggan cakap burger yang saya masak sedap dan menyukainya. Terima kasih selalu beri sokongan dan saya mahu rakan senasib tidak berasa malu dengan keadaan diri serta berusaha dengan cara sendiri,” kata Orang Kurang Upaya (OKU), Jaheerah Nadzri.

Jaheerah, 29, atau lebih mesra disapa Eerah adalah peniaga OKU yang mendapat perhatian netizen di TikTok selepas dia berkongsi video memasak burger bersama bapa di gerai di hadapan Surau Al-Hijrah, Kota Warisan di sini, sehingga ada videonya meraih 13.9 juta tontonan.

Sebelum ini, anak bongsu daripada empat beradik itu pernah tular dan kisahnya juga pernah disiarkan Harian Metro kerana semangat dan usahanya mencari rezeki dengan berniaga cornflakes madu serta telur masin selain gemar berkongsi aktiviti termasuk bersolek ringkas.

Eerah berkata, dia minat memasak dan bersolek biarpun mempunyai kekurangan diri, namun tidak menganggap ia sebagai penghalang untuknya melakukan perkara diminati.

Menurutnya, dia membuka perniagaan burger bersama bapa, Nadzri Abd Majid, 66, sejak setahun lalu dan sentiasa mementingkan kebersihan dan kualiti masakan serta gerainya.

“Saya memang minat berniaga dan seronok dapat membuka gerai burger, malah berpuas hati apabila ada pelanggan cakap burger masakan saya sedap. Bagi saya memasak burger tidak susah dan ayah juga



SEBELUM video Eerah bersama bapanya tular mereka hanya mampu menjual 60 burger sehari.

## Gesa OKU usah malu

*Video Eerah masak burger bersama bapa mendapat 13.9 juta tontonan*

ada membantu saya.

“Saya mahu rakan senasib tidak malu dengan diri kita dan kita juga boleh berusaha dengan cara sendiri.

“Kalau Eerah boleh, rakan senasib juga boleh,” katanya memberitahu dia belajar bersolek melalui YouTube ketika dihubungi, di sini, semalam.

Sementara itu, Nadzri berkata, idea berniaga itu daripada Eerah kerana jualan kudapan diusahakannya bermusim dan kebetulan gerai burger lamanya

masih ada, jadi mereka mengubah suai untuk memulakan perniagaan Eerah Burger.

“Apabila musim perayaan Eerah akan jual kudapannya dan sekarang kami memang berniaga burger secara tetap.

“Saya dan arwah isteri sebelum ini memang berniaga burger serta kuih muih dan sekarang minat itu turun kepada Eerah.

“Eerah akan memasak mengikut kemampuannya dan kalau kami didatangi pelanggan lebih empat

orang, saya akan mengambil alih tugas memasak dan anak lelaki saya juga akan membantu apabila tidak sibuk,” katanya memberitahu gerai dibuka setiap Ahad hingga Isnin bermula 6 petang hingga 12 tengah malam.

Menurutnya, sebelum ini mereka menjual 60 burger sehari dan sejak video anaknya tular, mereka tidak menang tangan apabila permintaan pelanggan semakin bertambah hingga meningkat dua kali ganda.



TAJUK :	KERANGKA SEKTOR JAGA KANAK-KANAK, WARGA EMAS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	HARIAN METRO
TARIKH :	31 OKT 2023	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



AMIRUDIN (duduk, tengah) bersama peserta Simposium Ekonomi Penjagaan Selangor 2023. Turut hadir, Exco Pembangunan Wanita Dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Anfaal Saari (duduk, kiri).

**Shah Alam:** Kerangka dan peraturan berkaitan sektor ekonomi penjagaan memabitkan kanak-kanak serta warga emas perlu diwujudkan di Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, dasar dan polisi berkenaan akan membantu wanita di negeri ini meneruskan kerjaya mereka tanpa di-

## ***Kerangka sektor jaga kanak-kanak, warga emas***

sekat tanggungjawab terhadap keluarga.

Beliau berkata, ia akan menjadi sokongan kepada wanita untuk terus bekerja tanpa risau memikirkan penjagaan anak atau ibu bapa, sekaligus menjamin pembangunan ekonomi negeri.

"Isu penjagaan bukan perkara baharu sebab hari ini ibu bapa sudah hantar anak-anak ke pusat jagaan. Mungkin kita kena rangka dasar, undang-undang

dan enakmen terhadap kerangka ekonomi penjagaan yang masih banyak tidak formal.


"Apabila berlaku situasi yang mana wanita tidak mempunyai

sokongan, mereka terpaksa berhenti (kerja) separuh jalan, kerjaya mereka akan tersekat kerana perlu menjaga anak dan ibu bapa selain perlu sediakan kos tinggi sekiranya dihantar ke pusat jagaan," katanya berucap merasmikan Simposium Ekono-

mi Penjagaan Selangor 2023, semalam.

Beliau berkata, ekonomi penjagaan perlu diberi perhatian berikutan kadar kelahiran negeri semakin berkurangan dengan purata 1.9 pada 2018 manakala jangka hayat penduduk di Selangor tinggi dengan dua tahun setengah lebih panjang daripada jangka hayat nasional.

**Bantu wanita teruskan kerjaya tanpa disekat tanggungjawab terhadap keluarga**



TAJUK : RAKAN ANAK PERNAH MENGURAT

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



NURMI Hidayah mendapat perhatian di TikTok selepas berkongsi video bersama anak, Muhammad Darwish Rayyan dan Muhammad Danish Rafiq apabila netizen menyangka mereka adik-beradik atau sepupu.

# Rakan anak pernah mengurut

*Suri rumah dapat perhatian di TikTok selepas kongsi video bersama-sama dua anak lelaki remaja*

Oleh Noor Hidayah  
Tanzizi  
hidayah.tanzizi@  
hmetro.com.my

Melaka

**M**emang ramai yang menyangka saya adalah kakak kepada dua anak lelaki, malah rakan anak juga pernah beberapa kali 'mengurut', namun anak akan beritahu saya ibu kandung mereka," kata Nurmi Hidayah Othman. Nurmi Hidayah, 38, mendapat perhatian di TikTok selepas berkongsi

video bersama anak, Muhammad Darwish Rayyan, 14, dan Muhammad Danish Rafiq Mohd Razif, 15, sehingga netizen menyangka mereka adalah adik-beradik atau sepupu.

Suri rumah itu berkata, dia yang bertubuh kecil dan rendah sering dianggap kakak kepada dua anak kesayangan, malah ada juga yang tidak percaya dirinya sudah berkahwin dan mempunyai anak yang menginjak remaja.

Menurutnya, pelbagai pengalaman dan situasi lucu dilaluinya termasuk ketika mendaftar perseko-

lahan anak serta pernah ditahan polis ketika sekatan jalan raya, beberapa tahun lalu.

"Ketika mendaftar persekolahan anak, mere-

**"Dahulu anak malu juga bila ramai yang salah sangka dan mereka suruh berpenampilan dan memakai tudung seperti 'mak cik', tetapi sekarang mereka sudah tidak kisah"**

ka beritahu saya yang ibu bapa perlu datang bukan kakak. Pernah juga rakan anak mengusik dan mengurut, malah mereka memanggil saya kakak. Apabila diberitahu cerita, mereka terkejut juga.

"Dahulu anak malu juga bila ramai yang salah sangka dan mereka suruh saya berpenampilan dan memakai tudung seperti 'mak cik', tetapi sekarang mereka sudah tidak kisah.

"Saya tidak berpenampilan seperti orang muda sangat cuma biasa saja, mungkin kerana saya (bertubuh) kecil dan rendah,

malah berat saya sehingga kini 43 kilogram saja, mungkin itu yang dilihat seperti hampir sebaya dengan anak," katanya.


Berhubung perkongsiannya di TikTok, Nurmi Hidayah yang juga hos siaran langsung berkata, video berkenaan hanya suka-suka mengikut trend semasa dan sebelum ini dia jarang berkongsi gambar anaknya di media sosial.

Katanya, pada mulanya netizen menyangka hubungan mereka adalah kakak dan adik atau sepupu dan sengaja mencari publisiti

untuk kandungan TikTok.

"Saya memang rapat dengan anak kerana kami hidup bertiga sejak dulu selepas saya berpisah dengan bekas suami, cuma sekarang anak sudah meningkat remaja, jadi agak jarang mahu ikut saya keluar dan video itu untuk kenangan saja.

"Saya tidak pernah bangga dengan usikan atau kata orang yang melihat saya muda hampir sebaya dengan anak dan saya akan mengaku mempunyai dua anak," katanya yang kini sudah berkahwin buat kali kedua.



TAJUK : TAK MENGAKU 'BUAT KERJA' DALAM TANDAS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Tak mengaku 'buat kerja' dalam tandas

*Pelajar tahfiz dituduh buat amang seksual berdepan jel 20 tahun*

Oleh Alias Abd Rani  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

## Batu Pahat

Seorang pelajar tahfiz mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap junior di pusat tahfiz tempatnya belajar, Ogos tahun lalu.

Tertuduh, Zulkarnain Mohd Ali, 19, sebelum itu menganggu faham sebelum membuat pengakuan tidak bersalah sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa di



hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal yang ketika itu berusia lapan tahun dengan kejadian itu berlaku dalam tandas sebuah pusat tahfiz di Kluang, dekat sini, jam 10.30 malam, Ogos tahun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut seksyen sama iaitu penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.


Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah tidak membenarkan sebarang jaminan selepas mengambil kira kesalahan serius dilakukan tertuduh.

Bagaimanapun, selepas mengambil kira rayuan tertuduh serta hujahan pihak pendakwaan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah juga menetapkan syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melapor diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang setiap awal bulan serta tidak boleh mendekati atau berhubung dengan mangsa.

Sebutan semula kes itu ditetapkan pada 5 Disember ini selain serahan dokumen serta lantikan peguam tertuduh.



TAJUK :	DGIM PLATFORM TO IMPROVE DISASTER PREPAREDNESS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	31 OKT 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## DGIM platform to improve disaster preparedness

**KUALA LUMPUR:** The government is now using the Defence Geospatial Information Management (DGIM) platform to improve disaster preparedness, especially during the Northeast Monsoon (MTL), which is expected to start in November.

According to Minister in Prime Minister's Department (Sabah, Sarawak Affairs and Special Functions) Datuk Armizan Mohd Ali, the platform developed by the Defence Geospatial Division, Department of Survey and Mapping Malaysia (Jupem) is a special data integration in the Geographic Information System (GIS).

He says the GIS that crosses various ministries and agencies is able to create a joint common operating picture (JCOP) that operates 24 hours a day at the national disaster control centres for the purpose of disaster management in addition to functioning as an open centralised database.


"Among the agencies that have been integrated into the DGIM platform are DoSM (Department of Statistics), Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit, Public Works Department,

Malaysian Space Agency, Social Welfare Department and Malaysian Meteorological Department. In addition to that are the Department of Town and Country Planning, the Department of Irrigation and Drainage, the Department of Minerals and Geosciences Malaysia and the National Geospatial Centre," he said during the question-and-answer session at Dewan Rakyat yesterday.

Armizan was replying to the original question by Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju) who wanted to know the government's initiative to create an open centralised database through the DoSM platform in an effort to collect all disaster-related data to improve preparedness.

Responding to Zahir's supplementary question on whether the government plans to involve insurance companies in improving community preparedness in areas with high-disaster risk through the implementation of Rahmah insurance, Armizan said it was one of the recommendations that the government was currently examining.

— Bernama



TAJUK : MRC MIRI TEAM REACHES OUT TO NEEDY FOLKS IN TUDAN

HARI : SELASA

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## MRC Miri team reaches out to needy folks in Tudan

**MIRI:** The Health and Community Sub-Committee of Malaysian Red Crescent (MRC) Miri Chapter visited two poor families in Tudan last weekend.

It was run as a part of its outreach programme, focusing on educating poor families about the importance of good waste management, maintaining good hygiene and healthy food.

Head of the sub-committee Dr Uma Devi delivered a short talk on 'Dangers of Plastics, Importance of Cleanliness and

Healthy food'.

After the talk, stainless steel food containers were presented to the families, highlighting the danger of using plastic containers.

It was informed that the stainless steel containers were donated by anonymous donors.

There was also a briefing by an officer from Miri City Council (MCC), talking about the services provided by the council.

The families also received some food aid.



Dr Uma (fourth right) and her team members at the house of one of the families in Tudan.



TAJUK : NEW DISASTER MANAGEMENT SYSTEM ONLINE THIS FLOOD SEASON

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

**Badly damaged:**

Junch Man, 74, standing at what is left of her living room after her house was hit by a storm and landspout at Kampung Manggol Bongor in Kodiang, Kedah. Armizan says that JCOP will be updated 24 hours a day through the National Disaster Control Centre under Nadma.  
— Bernama



## New disaster management system online this flood season

AN integrated data system for disaster management will be put to use for the first time during the year-end monsoon season, says Datuk Armizan Mohd Ali.

"This November will be the first time the Defence Geospatial Information Management Plat-

form is being used to face the northeast monsoon," said the Minister in the Prime Minister's Department (Sabah and Sarawak Affairs and Special Functions) in reply to a question by Zahir Hassan (PH-Wangsa Maju).


He added that the platform is

the integration of geospatial data under the Geospatial Information System involving several agencies.

"This is to create a joint common operating picture (JCOP) to manage disasters. It will also serve as an open centralised database," he added.

He said JCOP will be updated 24 hours a day through the National Disaster Control Centre under the National Disaster Management Agency (Nadma).

"This will enable us to get the latest information on the situation and location of a disaster," he said.



TAJUK : RISE IN TEEN STD CASES

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 10

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

# Rise in teen STD cases

Over 900 tested positive, with some as young as 13, says Fadhlina

A TOTAL of 913 teenagers, some as young as 13, had tested positive for sexually transmitted diseases (STD) between 2018 and 2022, says Fadhlina Sidek.

The Education Minister said these figures were based on information provided by the Health Ministry and involved syphilis, gonorrhoea, chancroid and human immunodeficiency virus.

"Based on notifications from the Health Ministry, there were 255 cases of STDs among 13- to 17-year-olds in 2018, while in

2019, a total of 225 STD cases were recorded," she said in a written reply to Dr Halimah Ali (PN-Kapar) yesterday.

She added that a total of 191 cases were recorded in 2020, 96 cases in 2021 and 146 last year.

Fadhlina also said some 3% of students who underwent urine tests in 2019 tested positive for drugs.

She said the percentage dropped by 2.16% in 2020 while no urine tests were carried out in 2021 due to home-based teaching

and learning during Covid-19 lockdowns.

"In 2022, a total of 1.18% of students who underwent urine test tested positive while as at September this year, a total of 0.64% tested positive," added Fadhlina.

She said the urine tests were carried out by the Education Ministry and the National Anti-Drug Agency (AADK).


Meanwhile, Fadhlina said the number of school dropouts was on a downward trend from 2018

to 2022.

She added that the percentage of school dropouts reduced from 1.21% of all students in 2018 to 0.99% in 2022.

Last year, 4.66% of school dropouts was involved in negative activities while the percentage was 4.53% as at September this year.

Based on the Student Discipline System, Fadhlina said these activities included bullying, truancy, smoking, obscene behaviour and mischief.



TAJUK : JKM SARAWAK TELAH AMBIL LANGKAH PERLU HADAPI BANJIR

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## JKM Sarawak telah ambil langkah perlu hadapi banjir

**KUCHING:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Sarawak telah mengambil langkah perlu sebagai persediaan menghadapi banjir sempena musim monsun timur laut yang diramal berlaku tidak lama lagi.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata JKM Sarawak telah melantik 252 pembekal makanan di seluruh Sarawak bagi membekalkan makanan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Selain itu katanya JKM Sarawak kini dilengkapi 48 kenderaan dan jumlah itu akan disokong oleh agensi-agensi lain serta diselaraskan oleh Jawatankuasa Pengurusan

Bencana Negeri Sarawak (JPBNS).

"JKM juga telah menyediakan pasukan terdiri daripada 541 kakitangan termasuk pegawai psikologi atau kaunselor.

"Mereka ini akan dibantu 1,443 sukarelawan JKM yang bersedia berkhidmat semasa musim monsun timur laut.

"Selain itu, bekalan di 29 pangkalan hadapan telah diisi.

Pangkalan-pangkalan ini terletak di kawasan mudah terjejas banjir, jauh dan penghantaran bantuan sukar akibat terputus hubungan," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Fatimah berkata JKM akan membekalkan 2,175 pek makanan bekalan makanan kering ke

pangkalan-pangkalan ini berdasarkan jumlah penduduk di kawasan yang dikenal pasti.

Beliau berkata JKM Sarawak mempunyai kapasiti simpanan maksimum 466 tan dengan Depoh Simpanan Keperluan Bencana Samarahan berkapasiti 432 tan, depoh mini dua (2) tan dan stor Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian (PKMB) 32 tan.

"Kali ini 627 PPS telah dikenal pasti yang berkapasiti 162,091 orang dan daripada jumlah itu, empat PPS bersaiz besar yang masing-masingnya mampu menampung lebih 1,000 orang pada satu-satu masa.

◆ **Lihat Muka 2**

## JKM Sarawak telah ambil langkah perlu hadapi banjir

► **Dari Muka 1**

"101 lagi bersaiz sederhana (500-999 orang) dan yang lain bersaiz kecil dengan kapasiti kurang 500 orang," katanya.

Beliau menambah pada masa ini, JKM mempunyai 10,000 khemah dan ini tidak termasuk yang ada di agensi lain.

Khemah ini katanya akan dipasang di dalam PPS dan mampu memberi keadaan privasi kepada mangsa.

"JKM telah telah melaksanakan tiga latihan simulasi banjir di kawasan Rumah Sebuang, Nanga Merama di Kapit pada 27 Ogos 2023, Dewan Masyarakat Nanga Mendamit di Limbang pada 24 Ogos 2023 dan 25 September 2023 di Dewan Suarah Samarahan.

"Matlamat latihan ini adalah untuk menilai kesiapsiagaan kakitangan JKM dan penduduk dalam menghadapi bencana banjir," katanya.



TAJUK :	KERJASAMA ANTARA IBU BAPA DAN GURU PENTING DEMI MASA DEPAN KANAK-KANAK		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	31 OKT 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



**TANDA INGATAN:** Mong (enam kiri) menerima cenderamata daripada pihak sekolah berkenaan sambil diperhatikan Menjang (kanan), Jiram (dua kanan), Riji (tiga kanan) serta yang lain semasa berlangsungnya majlis itu.

## Kerjasama antara ibu bapa dan guru penting demi masa depan anak-anak

**SRI AMAN:** Kerjasama antara ibu bapa dan guru penting demi masa depan anak-anak, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Begunan Datuk Mong Dagang.

Menurut Mong, ramai anak-anak yang berjaya dalam pelajaran merupakan mereka yang sentiasa menerima galakan daripada ibu bapa dan guru selain pihak sekolah.

“Sebagai ibu bapa, kita perlu memberi galakan kepada anak-anak sehingga

berjaya.

Jika mereka berjaya kelak, kita pasti gembira kerana tanggungjawab kita sudah terlaksana,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Merarau, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Sekolah Kebangsaan (SK) Selepong, Sri Aman bertempat disalah sebuah restoran terkemuka di sini.

Mong menegaskan, ilmu pengetahuan adalah asas kesempurnaan yang perlu

ditimba dari kecil.

“Tanpa ilmu pengetahuan, sukarlah hidup anak-anak kita nanti. Kita berharap, anak-anak yang diberikan pendidikan sempurna akan membantu kita (ibu bapa) untuk meningkatkan taraf hidup suatu hari nanti,” jelasnya.


Katanya, ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab memberi pendidikan kepada anak-anak kerana ia merupakan hak mereka.

“Kegagalan ibu bapa meng-

hantar anak-anak ke sekolah akan menggelapkan masa depan generasi muda,” katanya.

“Tiada alasan untuk mereka tidak berbuat demikian kerana kini wujud pelbagai kemudahan dan bantuan bagi golongan yang kurang berkemampuan,” tegasnya.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Penghulu Jiram Sampek, Penghulu Riji Gu, Penghulu Menjang, guru besar sekolah serta guru-guru kanan sekolah berkenaan.



TAJUK : YAYASAN SOP TERUS IKTIRAF PELAJAR CEMERLANG, BANTU PELAJAR KURANG MAMPU

HARI : SELASA

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 31 OKT 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



KENANGAN: SOP bersama para penerima insentif di Sebauh baru-baru ini.

## Yayasan SOP terus iktiraf pelajar cemerlang, bantu pelajar kurang mampu

**MIRI:** Seramai 125 pelajar cemerlang dari seluruh Sarawak menerima insentif berupa wang dan sijil daripada Yayasan Sarawak Oil Palms (SOP) menerusi Anugerah Young Achievers (YAA).

Mereka merupakan pelajar cemerlang peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) and Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada 2022.

Kakitangan SOP telah bergerak ke beberapa kawasan untuk menyampaikan insentif ini, antaranya ke Sungai Asap Marudi, Sebauh, Lambir, Niah, Suai, Tatau dan Balingian.

Sumbangan insentif ini

adalah sebagai motivasi kepada pelajar untuk cemerlang dalam pelajaran mereka.

Sebagai antara tanggungjawab sosial korporat (CSR), Yayasan SOP memfokus terhadap sokongan pendidikan khasnya di kawasan pedalaman.

Yayasan membantu pelajar daripada keluarga miskin dan berperanan sebagai pembakar semangat untuk mereka mencapai cita-cita dengan menitikberatkan ilmu.

Sejak tahun 2016, Yayasan telah mengiktiraf dan menganugerahkan seramai 1,203 pelajar cemerlang

menerusi YAA.

Selain itu, seramai 94 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan menerima bantuan kewangan, beg sekolah dan alat tulis menerusi Program Pelajar Angkat (SAP) Yayasan SOP.

Seramai 666 pelajar telah dibantu menerusi program ini sejak tahun 2016.

Syarikat aktif bekerjasama dengan masyarakat setempat dengan menganjurkan pelbagai inisiatif CSR seperti SAP, Projek Vision Care dan sambutan Pra Krismas SOP yang melibatkan kerjasama Healthy Strides Malaysia dan Healthy Strides Foundation Australia.